



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 8 MAC 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	13,000 ANAK PENYU TELAH DILEPAS PUSAT PENETASAN PENYU GLORY, NEGARA, KOSMO -6	LAIN-LAIN
2.	MANIPULASI HARGA BERAS, RM1 BILION DUIT RAKYAT DIROMPAK, DALAM NEGERI, UM -6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2024	KOSMO	NEGARA	6

13,000 anak penyu telah dilepas Pusat Penetasan Penyu Glory

PORT DICKSON — Sebanyak 13,000 anak penyu berjaya dilepas dari Pusat Penetasan Penyu Glory, di sini sejak pusat itu diwujudkan 13 tahun lalu.

Renjier penyu yang juga mengetuai Kelab Pusat Penetasan Penyu Glory, Hishamudin Abdul Manaf berkata, bagaimanapun daripada jumlah tersebut kebiasaannya hanya satu daripada 1,000 penyu yang dilepaskan berjaya hidup memandangkan risiko kematian bagi anak penyu ini agak tinggi.

Menurut beliau, semasa dilaut pula, penyu berkenaan berisiko untuk mati disebabkan

pantai di sini yang kebiasaannya menjadi tempat penyu bertelur adalah di Glory, Tanjung Gemuk, Pantai Pejabat Daerah dan Bagan Pinang,” katanya sempena Majlis Pelancaran Kelab Pusat Penetasan Penyu Glory dan Pelepasan Penyu di sini semalam.

Sempena program berkenaan,

“Tugas saya adalah memantau penyu mendarat dan memastikan kawasan penyu naik untuk bertelur tiada gangguan manusia ataupun menyelamatkan telur berkenaan daripada ancaman binatang lain seperti anjing dan biawak.

“Kebiasaannya sekitar 800 ke

1,500 biji telur setahun penyu

bertelur di pantai di sini dari

April hingga Disember. Pantai-

pencemaran plastik yang dibuat manusia kerana menyangkakan plastik tersebut merupakan makanan mereka iaitu ohor-obor dan terdapat insiden seumpama itu di negeri ini.

“Sempena program berkenaan, Pengurus Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan negeri, Nicole Tan Lee Koon menyempurnakan simbolik pelepasan empat ekor penyu di mana dua ekor daripadanya merupakan penyu yang diselamatkan selepas tersangkut di jaring netayan.



NICOLE (duduk, kiri) ketika menyempurnakan pelepasan penyu sempena Majlis Pelancaran Kelab Pusat Penetasan Penyu Glory dan Pelepasan Penyu di Port Dickson semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Manipulasi harga beras, RM1 billion duit rakyat dirompak

Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Sejumlah RM1.008 billion didakwa dirompak daripada poket rakyat sekiranya 720,000 tan metrik (80 peratus) daripada beras putih tempatan dijual secara manipulasi dengan harga beras putih import dalam tempoh enam bulan, sejak September lepas.

Datuk Seri Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (DPM-Bukit Gantang) berkata, anggaran itu mengambil kira harga tambahan lebih daripada sepertiga RM14 sekampit akibat manipulasi kartel.

"Setiap sehari kerajaan menangguhkan keputusan untuk



SYED Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat, semalam. - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

menetapkan harga siling beras putih, bermakna sebanyak RM7 juta duit rakyat telah dirompak. Siapa yang akan bertanggungjawab atas kesengsaraan rakyat ini?

"Walaupun Bahagian Kawiselia Padi dan Beras mengeluarkan kenyataan pada 7 September 2023 bahawa tidak berlaku penurukan kampit (melalui) OP Jamin, mengapa beras putih tempatan masih tidak ada di pasaran seperti mana nungutan peruncit, pengguna dan ahli-ahli yang berhormat di Dewan ini?" Katanya semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat, semalam.

Dalam pada itu, beliau yang

juga Pengerusi Pasukan Petugas Khas (Kluster Makanan) Majlis

Tindakan Sara Hidup (Naccol) mendakwa, Bahagian Kawiselia Padi sebagai salah membentarkan pemain industri iaitu kartel mengaut keuntungan berlebihan susulan kenaikan harga berdas dunia.

Dakwanya, pemain industri mengampit beras putih tempatan sebagai beras putih import dan menjual pada beras putih import berikutnya mempunyai perluang untuk mengaut keuntungan lebih.

"Keadaan ini menyebabkan

pengilang atau kartel membeli padi pada harga tinggi daripada pesawat dengan harapan menjual harga lebih tinggi juga sebagai beras import. Ekosistem

yang berlaku ini menyebabkan

pemberian harga padi dan harga beras tidak stabil," katanya.